

25 MAY 1998

WALAU DI HOSPITAL, DR MAHATHIR TETAP PRIHATIN TENTANG ALAM SEKITAR

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Alam sekitar sememangnya merupakan isu yang dekat di hati Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehinggakan ketika menjalani rawatan di hospital baru-baru ini, kepulan asap yang dilihat melalui tingkap biliknya turut menarik perhatian beliau.

Perdana Menteri, yang berehat selepas menjalani pembedahan di buku lali kirinya di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia pada 16 Mei lepas, tidak puas hati apabila melihat asap hitam berkepul di kawasan berhampiran.

Beliau terus menghubungi Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, yang ketika itu berada di Sarawak, untuk melaporkan perkara itu.

Law, yang menceritakan perkara itu kepada para wartawan di sini hari ini, berkata Dr Mahathir bertanya kepada beliau mengapa asap berkenaan dibiarkan terlepas ke udara dan meminta ia disiasat.

Law segera mengarahkan pegawainya pergi ke tempat kejadian dan hasil siasatan mendapati sebuah mesin pembancuh simen di kawasan pembinaan di Cheras menjadi punca kepulan asap hitam itu.

Pegawai berkenaan telah mengarahkan operasi mesin itu dihentikan sehingga ia dibaiki agar tidak mengeluarkan asap hitam lagi.

Dalam nada berseloroh Law berkata: "Jangan ingat bila Perdana Menteri di hospital, orang ramai boleh mencemar udara sesuka hati."

-- BERNAMA

HJ RON